

**PENULISAN BIOGRAFI : TUN DATO' SERI UTAMA (DR.)  
HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI ABBAS  
TUAN YANG TERUTAMA  
YANG DIPERTUA NEGERI  
PULAU PINANG**



**INSTITUT PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN DAN  
PENGKOMERSILAN (IRDC)**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
40450 SHAH ALAM, SELANGOR  
MALAYSIA**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**DATO' PROF. IR. DR. SAHOL HAMID ABU BAKAR  
HJ ISMAIL SUALMAN**



## **PENGHARGAÁN**

KAMI ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberi peluang dan kerjasam kepada kami untuk menyiapkan projek penyelidikan ini.

Ucapan jutaan terima dan penghargaan ditujukan khas kepada **TYT Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas, S.M.N., D.U.P.N., S.P.D.K., D.P., D.M.P.N., D.J.N., dan YABhg. Toh Puan Datin Seri Hajjah Majimor Bt. Shariff** yang banyak memberikan kerjasama dalam setiap wawancara khas yang kami lakukan.

Tidak ketinggalan penghargaan ini ditujukan kepada IRDC dan Universiti Teknologi MARA Pulau Pinang khususnya kepada En. Roslan Darus dan juga Puan Latifah Md. Isa yang banyak membantu semasa membuat rakaman dan menulis skrip.

Juga ucapan terima kasih kepada Pejabat Gabenor Negeri Pulau Pinang dan media cetak dan media massa yang membantu dalam pengumpulan bahan

Sesungguhnya kajian ini memberikan satu lagi khazanah yang tidak ternilai mengenai biografi tokoh yang terkenal di Negeri Pulau Pinang. Usaha ini akan dibukukan untuk menjadi tatapan umum khususnya generasi baru.

Sekian terima kasih.

**Dato' Prof. Ir. Dr. Sahol Hamid Abu Bakar**  
**Ketua Penyelidik.**

**Hj. Ismail Sualman**  
**Penyelidik**

20 Dis. 2005.

## ABSTRAK

Projek ini berkaitan dengan biografi atau sketsa personaliti kepada TYT Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas, S.M.N., D.U.P.N., S.P.D.K., D.P., D.M.P.N., D.J.N. Latarbelakang peribadi, pendidikan, politik, alam perguruan dan juga penjawat awam banyak mencorak keperibadian tokoh yang dikaji. Banyak sumbangan yang dicurahkan oleh tokoh terhadap masyarakat khususnya di Kepala Batas , peringkat Negeri Pulau Pinang dan Malaysia amnya. Kegigihan dan semangat yang tinggi merupakan asset yang cukup berharga dalam kehidupan yang telah dibuktikan oleh tokoh. Mengutamakan pendidikan sepanjang hayat selain mencerahkan bakti kepada masyarakat dalam bidang politik, sosial dan kebajikan merupakan resipi yang menjadi teladan. Kajian ini sesuai untuk dibukukan kerana ia mengandungi sejarah dan latarbelakang kehidupan yang penuh liku dan onak sehingga mengecapi nikmat dan kejayaan sebagai Gabenor anak tempatan Pulau Pinang.

## ISI KANDUNGAN

### Muka Surat

MUKA SURAT TAJUK	i
DAFTAR AHLI PENYELIDIK	ii
PENGHARGAAN	iii
ISI KANDUNGAN	iv
ABSTRAK	vii

<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	1
1.0	PENGENALAN	1
1.1	PERNYATAAN MASALAH	1
1.2	OBJEKTIF KAJIAN	3
1.3	KEPENTINGAN KAJIAN	3
1.4	SKOP KAJIAN	4
1.5	METODOLOGI KAJIAN	4
 <b>BAB 2</b>	 <b>KAJIAN LITERATUR</b>	 6
2.1	PENGENALAN	6
2.2	PENULISAN BIOGRAFI	6
2.3	BEBERAPA PETIKAN AKHBAR TERPILIH MENGENAI TOKOH	8
2.3.1	UTUSAN MALAYSIA 2 MEI 2001 – ABDUL RAHMAN ANGKAT SUMPAH YANG DIPERTUA NEGERI	8
2.3.2	BERITA HARIAN 2 MEI 2001 – ABDUL RAHMAN MAHU PULAU PINANG TERUS MAJU	10

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.0 PENGENALAN**

Kajian ini merupakan kajian biografi mengenai tokoh iaitu Tun Dato' Seri Hj Abdul Rahman Hj Abbas, Tuan Yang Terutama Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang. Kajian biografi merupakan penulisan tentang riwayat hidup subjek atau tokoh dari awal hingga kini. Dalam kajian ini fokus utama adalah asal usul, latar belakang kehidupan, sifat fizikal atau watak, pengalaman yang dilalui serta sumbangan tokoh. Kajian ini terdiri dua bahagian utama iaitu pertama; mengenai latar belakang tokoh dan kedua; analisa berdasarkan pandangan dan petikan ucapan, petikan ahbar, laporan tahunan dan juga majalah berkaitan dengan tokoh.

#### **1.1 PERNYATAAN MASALAH**

Sumbangan tokoh politik dan pendidikan di negara ini kurang diberikan perhatian. Sumbangan mereka bukan sahaja memberi impak kepada situasi politik, ekonomi, pentadbiran dan pendidikan, malah mencakupi semua aspek kehidupan. Semua maklumat mengenai sesuatu isu banyak